

Bertaraf dunia

Sasaran UPM kini semakin hampir



Oleh **MARZITA ABDULLAH**

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) muncul sebagai institusi pengajian tinggi awam (IPTA) pertama di negara ini yang mempunyai hasil penyelidikan yang dipaten dan didaftarkan di United States Patent and Trademark Office (USPTO).

Pengiktirafan yang diterima pada 6 Mei lalu adalah melalui hasil penyelidikan produk *Device and Method for Indirect Measurement of Physical Property of Rock and Soil*.

Naib Canselor UPM, **Prof. Datuk Dr. Zohadie Bardaie** berkata, pengiktirafan itu juga memperlihatkan matlamat UPM untuk diiktiraf sebagai universiti bertaraf dunia semakin hampir.

"Saya bangga dengan kejayaan ini yang turut membuktikan bahawa para penyelidik UPM mempunyai kelas yang setaraf dengan penyelidik antarabangsa," katanya.

Selain kejayaan itu, pengurusan UPM turut mendapat perhatian negara luar seperti University of Sri Jayewardenepura, Sri Lanka yang akan menempatkan Timbalan Pendaftarannya di universiti itu.

Menurut beliau, UPM telah pun memperlihatkan ciri-ciri universiti bertaraf dunia apabila program pengajiannya diiktiraf

sebagai bertaraf dunia dan setiap program ijazah dinilai oleh pemeriksa dan penilai luar yang terdiri daripada Profesor terkemuka dari negara maju.

"Bagi UPM, laporan pemeriksa dan penilai luar ini menunjukkan bahawa program UPM telah mencapai taraf dunia seperti pemeriksa luar dari University of Florida, Amerika Syarikat," katanya.

Hasil penyelidikannya turut diiktiraf di peringkat antarabangsa melalui kemenangan dalam Pertandingan Rekacipta Antarabangsa di Geneva seperti pada 2001, UPM memenangi satu pingat emas dan pada tahun 2002 pula sebanyak dua pingat emas dan tiga perak.



DR. ZOHADIE BARDAIE

Menurut Zohadie, kejayaan UPM itu pada hakikatnya berkait rapat dengan sejarahnya sebagai sebuah universiti pertanian yang mempunyai kekuatan dalam bidang sains biologi termasuk bioteknologi, pertanian dan makanan.

"Kami mempunyai sumber manusia dan apa yang dikatakan sebagai *accumulated knowledge* serta kemudahan terbaik dalam bidang tersebut," katanya.

Perkara itu disokong oleh laporan *Malaysian Science and Technology Information Centre* tahun 2000 yang menyebut bahawa UPM sebagai universiti yang paling banyak mendapat geran penyelidikan IRPA dengan jumlah RM85.93 juta.

"Laporan itu turut menyebut bahawa UPM mempunyai bilangan penyelidik yang terbesar dengan bilangan 2,996 termasuk 459 staf sokongan, mempunyai 1,134 penyelidik yang berijazah Doktor Falsafah (Ph.D.), mempunyai kekuatan tenaga penye-

lidik yang terbesar khususnya dalam bidang sains pertanian, sains biologi, ICT, sosial sains, sains kimia, sains gunaan dan teknologi," katanya.

Zohadie berkata, sejak Rancangan Malaysia Ketujuh dan juga Rancangan Malaysia Kelapan, UPM menerima peruntukan terbesar di bawah peruntukan IRPA berbanding dengan universiti dan institusi penyelidikan tempatan yang lain.

Di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, setakat bulan Mac 2003 sahaja UPM telah menerima sebanyak RM53.5 juta untuk *Experimental Applied Research*, RM42.9 juta untuk *Prioritized Research* dan RM51.8 juta untuk *Strategic Research* yang menjadikan jumlah keseluruhannya sebanyak RM148.2 juta.

"Peruntukan yang besar ini telah membuahkkan beberapa hasil yang membanggakan umpamanya sejak tahun lalu, UPM telah berjaya mempatenkan lima produk penyelidikan termasuk satu paten yang didaftarkan di Amerika Syarikat itu."

"Setakat ini sebanyak 29 lagi projek penyelidikan yang masih di peringkat menunggu dipatenkan (*patent pending*)," katanya.

Peruntukan tersebut juga telah membolehkan UPM melahirkan sumber manusia saintifik untuk negara.

"Sejak tahun 1999 kita telah mengeluarkan seramai 5,028 graduan pasca siswazah iaitu pada 1999 seramai 987 graduan sarjana dan 41 graduan Ph.D dikeluarkan," katanya.

Untuk menjadi universiti bertaraf dunia, UPM turut bekerjasama dengan universiti di peringkat antarabangsa.

Sejak tahun 1999 UPM telah menandatangani sebanyak 21 Memorandum Persefahaman (MOU) dengan universiti dan

institusi penyelidikan luar negara seperti Kyushu Institute of Technology, Jepun untuk mengurangkan kesan gas rumah hijau bagi industri kelapa sawit dan menerbitkan *Asean Food Journal* dengan kerjasama University of Victoria, Australia.

UPM juga menjalankan kerjasama dengan Provence Graduate School of Management (IAE), University of Aix-Marseille, Perancis dan French Foundation for Management Education (FNEGE) untuk menawarkan program 'Master of Business Administration' yang dirangka khas bagi pelajar yang memahami persekitaran perdagangan Asia dan Eropah.

"Selain itu kita juga telah menjalankan kerjasama dengan membentuk Konsortium SEARCA dengan Universitas Gadjah Mada (UGM), Institut Pertanian Bogor (IPB), Indonesia, University of the Philippines Los Banos in Philippine (UPLB), Kasetsart University (KU), Thailand manakala University of Queensland (UQ), Australia and University of British Columbia (UBC), Kanada merupakan ahli bersekutu.

UPM telah meletakkan matlamat jangka panjang dengan 90 peratus pensyarah mempunyai ijazah Ph.D menjelang tahun 2010.

Ketika ini UPM merupakan universiti yang paling banyak pensyarah berkelayakan ijazah Ph.D. melebihi universiti-universiti tempatan yang lain dengan peratusan 62.9 peratus.

Standard itu adalah setaraf dengan universiti-universiti antarabangsa yang terkemuka seperti University of Yale (65.7 peratus), Hull University (66 peratus), University of New South Wales (57 peratus), Nanyang University Singapore (57.7 peratus) dan Hong Kong Chinese University sebanyak 69 peratus.